



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	17/6/2014

Malaysia layak digelar sebagai negara Islam - Tun Mahathir

UM - 17/6/2014



KUALA LUMPUR 16 Jun - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, Malaysia layak didefinisikan sebagai sebuah negara Islam, namun pada masa sama negara ini tidak boleh ditakrifkan sebuah negara sekular atau sebaliknya.

Menurut beliau, sebagai sebuah negara yang dikenali sebagai negara Islam, Malaysia perlu memberi

keadilan mengikut tuntutan ajaran Islam kepada setiap rakyatnya yang berbilang kaum dan agama.

"Negara ini mempunyai rakyat berbilang kaum dan kepelbagaian agama, maka Islam menuntut penganutnya supaya memberi keadilan kepada setiap orang iaitu bukan hanya terhadap kepada orang Islam sahaja.

"Perkara ini perlu diambil sebagai satu pertimbangan. Oleh itu, saya fikir kita perlu kaji apa sebenarnya tuntutan ajaran Islam untuk penganutnya ketika duduk bersama orang bukan Islam," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menjadi panel dalam forum Sidang Kemuncak Bandar Metropolitan Asia Kali Kedua di sini hari ini.

Dalam pada itu, Dr. Mahathir

berkata, undang-undang yang diumumkan di negara ini tidak mendiskriminasikan sesiapa pun apatah lagi membeza-bezakan antara penganut agama.

Dalam konteks itu beliau berpendapat, sekiranya undang-undang Islam mahu dipraktikkan di negara ini, perkara itu perlu berlaku secara adil dan diguna pakai kepada semua masyarakat tanpa dilaksanakan secara terpilih.

"Sekiranya undang-undang yang berjalan secara tidak adil, itu bukan namanya Islam.

"Jadi kita perlu lihat segala pertimbangan ini, kita tidak boleh meletakkan satu undang-undang khusus untuk orang Islam sahaja dan satu lagi terpakai untuk bukan Islam," katanya.

DR. Mahathir Mohamad ketika bercakap dalam forum Sidang Kemuncak Bandar Metropolitan Asia Kali Kedua, Kuala Lumpur, semalam. Turut hadir Fellow Penang Institute Malaysia, Datuk Dr Goh Ban Lee (kiri) dan Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC), Datuk Jebasingam Issace John.